

07/06/2000

`PM tiada masalah lantik MT'

REMBAU, Selasa - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub, menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadapi masalah melantik ketua badan perhubungan negeri dan 10 anggota Majlis Tertinggi (MT).

Beliau berkata penangguhan pelantikan itu sebenarnya untuk memberi peluang dan masa kepada Perdana Menteri berbuat demikian.

"Perkara ini tidak timbul kerana Dr Mahathir memerlukan sedikit masa lagi untuk mempertimbangkan beberapa cadangan yang dikemukakan ahli MT yang baru dipilih dalam Perhimpunan Agung Umno lalu.

"Kita nak dengar daripada ahli MT dulu dan oleh kerana mesyuarat semalam turut dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri, pandangan dan pendapat yang dikemukakan boleh diteliti oleh Presiden," katanya selepas menemui penduduk dan pengundi di Pedas di sini, hari ini.

Beberapa pemimpin parti dan peringkat akar umbi menyatakan penangguhan pelantikan itu memberi ruang kepada pihak tertentu membuat spekulasi bahawa ada pemimpin tertentu yang gagal merebut jawatan dalam pemilihan parti bulan lalu, tidak akan dilantik.

Selain itu, pihak berkenaan meramalkan ada jawatan ketua badan perhubungan Umno negeri akan bertukar tangan dan diambil alih mereka yang menang sebagai naib presiden.

Khalil yang dikekalkan untuk jawatan disandangnya itu, berkata MT puas hati dengan pelbagai cadangan membina yang diketengahkan dan ini dijadikan asas oleh Presiden untuk membuat keputusan.

"Presiden sudah jelaskan MT hanya ada 10 kerusi tambahan dan mereka yang layak dilantik pula ramai.

"Malah beliau juga ada menyatakan kita perlu melantik anggota tambahan itu bukan daripada kalangan ahli politik atau selain daripada Menteri Besar, Ketua Menteri atau menteri.

"Selain itu, Presiden juga sedang memikirkan kekurangan anggota wanita dalam MT yang perlu ditambah.

"Terpulang kepada Presiden untuk menentukan pelantikan berkenaan dan masalah berbangkit boleh diselesaikan apabila kita berunding dan bermesyuarat," katanya.

(END)